

TARIKH	19 / 7 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	25	RUANGAN	Nasional

# Elhajj taja buka akaun Tabung Haji

» Langkah awal didik generasi muda urus wang

Oleh Nor Azma Laila  
norazma@bharian.com.my

Shah Alam

Seramai 2,998 murid Sekolah Kebangsaan (SK) Subang Bestari, di sini berpeluang membuka akaun Tabung Haji sekali gus menjadi ahli kelab TaHa melalui tajaan syarikat Elhajj Products Sdn Bhd.

Majlis penyerahan buku akaun Tabung Haji diadakan di sekolah berkenaan semalam yang dihadiri Pengarah Urusan Elhajj Products, Muhammad Hamudi Abdul Khalid; Pengarah Tabung Haji Wilayah Persekutuan, Hamidun Ibra-

him dan Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SK Subang Bestari, Khalid Yusof.

Hamudi berkata, tajaan syarikat penjagaan kulit khusus untuk jemaah haji dan umrah itu dibuat sebagai langkah pertama mendidik generasi muda mengenai pengurusan kewangan dan pada masa sama memberi peluang kepada mereka membuka akaun Tabung Haji lebih

awal sebagai persediaan mengerjakan rukun Islam kelima itu.

Sementara itu, Hamidun berkata, ahli Kelab TaHa berpeluang menikmati banyak keistimewaan antaranya keahlian percuma serta potongan harga di lebih 200 rangkaian Rakan Kelab TaHa seluruh negara, menyertai klinik bimbingan UPSR, PMR dan SPM, mendapat anugerah kecemerlangan serta menyertai peraduan menarik disediakan pengajur.

## FAKTA NOMBOR

2,998  
murid

murid SK Subang Bestari buka akaun Tabung Haji.



Roslawati Nuzi (kiri), Khalid Yusof, Hamudi Ibrahim dan Muhammad Hamudi menerima tajaan buka akaun Tabung Haji.  
[FOTO SHIRAZ ALI SHIRAZ YASMIN]